

Headline	MTDC rancang dapatkan lebih ramai terlibat dalam Industri 4.0		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	29 Nov 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	A5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 804
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,412



MTDC rancang dapatkan lebih ramai terlibat dalam Industri 4.0

KUALA LUMPUR: Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) merancang untuk mendapatkan lebih ramai terlibat dalam Industri 4.0, teknologi hijau dan program pemecut untuk melahirkan usahawan teknologi dalam kalangan graduan untuk beberapa tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata dalam menghadapi cabaran global, wujud keperluan untuk menyediakan dan melengkapkan usahawan teknologi dengan kaedah yang sesuai.

“Sejak 25 tahun yang lalu, MTDC telah mewujudkan banyak peluang latihan bagi graduan universiti sejak ia memulakan Program Siswazah Keusahawanan pertamanya atau Symbiosis dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2008.

“Program itu untuk memenuhi keperluan bagi lebih banyak syarikat teknologi menyumbang kepada tahap pengkomersialan yang lebih tinggi,” katanya kepada pemberita pada sambutan ulang tahun MTDC Ke-25 di sini kelmarin.

MTDC ditubuhkan pada 1992 untuk menggalakkan penggunaan teknologi oleh syarikat tempatan melalui pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan atau pengambilalihan teknologi asing, menjadikan syarikat sebagai penggiat utama dalam pengkomersialan dan pengurusan dana kerajaan.

Pada masa ini, Norhalim berkata MTDC menguruskan enam dana berjumlah RM1.8 bilion, iaitu Dana Pengkomersialan (R&D) (CRDF), Dana Pengambilalihan Teknologi (TAF), Dana Pembangunan Teknologi Halal (HTDF), Dana Permulaan Perniagaan (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF) dan Dana Pengembangan Perniagaan (BEF). — Bernama